

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9395**

**SOALAN :**

Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan warganegara yang terlibat dengan gerakan DAESH dalam negara dan luar negara mengikut pecahan jantina, umur, telah ditangkap, dibebaskan dan dihukum oleh negara atau negara luar.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2013 sehingga 7 Oktober 2016, seramai 255 orang elemen pengganas Daesh telah berjaya ditangkap yang melibatkan 221 orang lelaki dan 34 orang perempuan. Daripada jumlah tersebut, seramai 140 orang merupakan golongan individu yang berumur dalam lingkungan umur kurang dari 30 tahun, manakala selebihnya iaitu seramai 115 orang adalah individu yang berumur 30 tahun dan ke atas.**

**Daripada jumlah itu, seramai 121 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, 36 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959, 13 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015, 21 orang warga asing telah diusir dari Malaysia dan bakinya iaitu 64 orang telah dibebaskan.**

**SOALAN ( 50 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2016  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI  
[ LABUAN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah kerajaan bersedia untuk melaksanakan projek PPR selewatnya tahun 2017. Ini kerana rakyat Labuan yang berpendapatan rendah sangat memerlukannya dan telah pun diumumkan.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Batu Arang, Labuan telah diluluskan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), *Rolling Plan Pertama (RP-1)* tahun 2016 – 2017.

Pada masa ini KPKT sedang melaksanakan proses perolehan bagi projek berkenaan dan dijangka urusan perolehan ini dapat diselesaikan pada suku pertama tahun 2017. Projek PPR ini melibatkan pembinaan sebanyak 500 unit rumah pangsa berbilang tingkat berserta kemudahan seperti surau, dewan serbaguna dan kedai niaga dengan kos RM85 juta.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016